



UNIT PENDIDIKAN ISLAM & MORAL (UPIM), JABATAN PENGAJIAN AM

Amanat
Aidiladha

IBRAH SEBUAH IBADAH

OLEH : DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik, hidayah serta inayahNya kita masih berada dalam rahmatNya. Terlebih dahulu saya merakamkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pengajian Am atas komitmen untuk menerbitkan buletin pada kali ini. Semoga bahan penerbitan seumpama ini akan memberikan manfaat untuk kita semua.

IKHLAS DALAM AMALAN

Al-Quran telah mencoretkan sejarah korban dengan peristiwa Habil dan Qabil serta kisah-kisah Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail. Kisah-kisah ini memberikan impak yang besar kepada kita daripada beberapa aspek. Pertamanya amal perbuatan kita adalah dalam pemerhatiannya jua, maka segala amalan kita hendaklah dilakukan dengan seikhlas-ikhlasnya. Ini kerana, hanya amal perbuatan yang ikhlas serta tidak mempunyai niat yang buruk akan diterima oleh Allah SWT.

BULETIN AL - IRSYAD

EDISI 2: AIDILADHA, OGOS 2017/ ZULHIJAH
1438

ARTIKEL KHAS

DR. HJ MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ibrah Sebuah Ibadah

PUAN AZLIDA BINTI AHMAD
Amanah Menuntut Pengorbanan

AL - QURAN & HADIS

PISOL BIN NASIR
Amalan Korban Berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah

MOHD NAZIMI ZAIM BIN ISMAIL
Bolehkah Menggunakan Gelaran Haji dan Hajjah?

SYARIAT

HAMDAN BIN ZAKARIA
Hikmah Di Sebalik Pensyariatan Korban

ZURAIHA BINTI MOHD ZAIN
Hakikat Ibadah Korban

AKHLAK

AZIRAH BINTI SEMAN
Mari Korbankan Sikap

BORHANNUDIN BIN YA
Adab dan Akhlak Ketika Melaksanakan Ibadah Korban


MOTIVASI

NORZIRA BINTI AHMAD
Nilai Sebuah Pengorbanan

SOLHAL HUDA BINTI SAHIDAN
Tanamkan azam, Jom.... Tunaikan Ibadah Korban

ISSN 2637-0247






Keduanya, ketaatan kepada perintah Allah SWT mengatasi semua perkara walaupun terpaksa mengorbankan anak yang amat dikasihi dan disayangi. Ini menunjukkan sudah menjadi lumrah dunia bahawa kehidupan memerlukan pengorbanan sama ada wang, tenaga, idea dan sebagainya



Ketiga, ibadah korban adalah manifestasi rasa kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT. Maka, rezeki yang kita peroleh hendaklah dibelanjakan bukan hanya untuk diri sendiri tetapi juga sebagai menunaikan hak orang lain ke atas harta kita.

Sesungguhnya, masih ramai lagi umat Islam di luar sana yang berada di tahap kemiskinan dan kelaparan yang tinggi termasuklah di negara kita. Kemiskinan dan kelaparan ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan tahap keimanan mereka. Maka, menjadi tanggungjawab kita untuk menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Justeru, marilah kita bersama-sama mengambil peluang yang ada untuk menunaikan ibadah korban yang telah disyariatkan oleh Islam.



Semoga dengan ibadah korban di Hari Raya Aidiladha ini akan dapat membantu meluaskan rezeki golongan kurang berkemampuan, di samping menyuburkan rasa kehambaan dalam diri kita. Di samping itu, amalan ini akan dapat mempertingkatkan ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah SWT sebagai bekalan di akhirat nanti. Ini adalah bertepatan dengan sabda *Rasulullah SAW yang bermaksud:*

“Tidak ada suatu amalan yang paling dicintai oleh Allah dari Bani Adam ketika Aidiladha selain menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan itu akan datang pada hari kiamat (sebagai saksi) bersama tanduk, bulu dan kukunya. Dan sesungguhnya darah haiwan korban terletak di suatu tempat di sisi Allah sebelum mengalir di tanah, kerana itu bahagiakan dirimu dengannya. (Riwayat Tirmizi, Ibnu Majah dan Hakim)

Selamat menjalani ibadah korban. Eid Mubarak.

Dari pena Pengarah PTSS,
Dr. Hj. Mohd Zahari Bin Ismail



Kata aluan
Ketua
Jabatan

AMANAH MENUNTUT PENGORBANAN

OLEH : AZLIDA BINTI AHMAD

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya maka Buletin Al-Irsyad dapat dihasilkan dengan jayanya. Terima kasih diucapkan kepada Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik yang sentiasa memberi sokongan dan semangat sehinggalah berjayanya penghasilan buletin ini. Tahniah kepada pensyarah-pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral yang telah menghasilkan idea, membuat perancangan rapi dan bertungkus-lumus mencari strategi berdakwah untuk membantu serta memperbaiki kelangsungan hidup manusia. Buletin Al-Irsyad ini menyajikan penjelasan dan kupasan yang merangkumi hukum fiqh, tauhid dan fatwa ulama. Semoga hasil penulisan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga PTSS yang dimuliakan.

Salam Aidiladha

Bersempena bulan Zulhijjah dan bulan kemerdekaan, warga Jabatan Pengajian Am mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya AidilAdha dan Salam Hari Kebangsaan ke- 60 kepada rakan-rakan sekalian.

Islam dan perpaduan

Pada tanggal 31 Ogos ini, Malaysia kini telah 60 tahun bebas dari belunggu penjajah. Tema 'Negaraku Sehati Sejiwa' menekankan pentingnya kita hidup bersatu padu tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang, umur mahupun pangkat. Konsep kerjasama ini selalu ditekankan di dalam menjalankan tugas di sini. Ungkapan "*United we stand, divided we fall*" memperingatkan kita akibat perpecahan seperti yang banyak kita saksikan di media hari ini. Di dalam surah **Ar Rum ayat 22** dan **Al Hujurat ayat 13** juga menekankan bahawa di antara tanda-tanda kekuasaan Yang Maha Esa ialah menciptakan langit dan bumi, dan berlain-lainan bahasa dan warna kulit. Allah menciptakan lelaki, perempuan dan menjadikan kita berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kita saling kenal-mengenal. Firman Allah SWT di dalam surah An-Nisa' ayat 59 yang bermaksud, "*...Jika kalian berselisih tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan RasulNya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*"

**“Integrity is
doing the right
thing, even when
no one is
watching**

– **Lewis** –

Laksanakan amanah

Sama ada kita seorang pensyarah, pegawai, pelajar atau staf sokongan di PTSS, kita telah diamanahkan untuk membantu pelajar-pelajar mencari langkah kekuatan untuk mencorak masa hadapan mereka. Mengam menjadi cabaran melayani personaliti dan latar belakang yang pelbagai. Sebagai kakitangan yang berintegriti, kita perlu *put the extra mile* bagi membantu pelajar sebaik mungkin. Kenali pelajar-pelajar kerana mereka juga tidak terkecuali dari kerumitan kehidupan *Strive to make a difference in your students' lives because you can be the changing factor.*

Salam Aidiladha dan perpaduan,
Azlida Binti Ahmad
Ketua Jabatan Pengajian Am



AMALAN KORBAN BERDASARKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

SUSUNAN OLEH : PISOL BIN NASIR

Ibadah korban merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuannya adalah sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah. Dalil pensyariatannya sabit dengan al-Quran dalam surah al-Kauthar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 36. Hukumnya adalah sunat yang sangat dituntut (sunat *muakkad*). Ibadah ini dilakukan oleh umat Islam di seluruh dunia setiap tahun apabila tibanya Aidiladha atau Hari Raya Korban pada 10 Zulhijjah dan hari-hari *Tasyrik* iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah.

TATACARA PELAKSANAAN IBADAH KORBAN

Amalan korban menjadi satu ibadah tahunan bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia yang melakukan penyembelihan korban sama ada dilakukan di masjid, surau, balai raya, padang awam, taman perumahan atau rumah persendirian.



TAFSIRAN

Bagi maksud garis panduan ini:

(a) "*Qurban*" bermaksud nama bagi sesuatu yang dikorbankan atau nama bagi ternakan yang disembelih pada Aidiladha. Korban bermaksud menyembelih ternakan tertentu dengan *taqarrub* kepada Allah SWT pada masa-masa tertentu. Ia juga diertikan sebagai ternakan *an'am* yang disembelih pada hari *Nahar* dengan tujuan *taqarrub* kepada Allah SWT.

(b) "*Taqarrub*" bermaksud perbuatan atau amalan yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah korban adalah salah satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT berdasarkan kepada surah al-Kauthar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 36.



NAZAR

**“ Iltizam
(mewajibkan diri) untuk
laksanakan sesuatu
QURBAH (yang boleh
menghampirkan diri
kepada Allah)”
~ Al-Mawardi ~**

KORBAN NAZAR

Korban yang diwajibkan ke atas individu yang berazam untuk melakukan korban nazar.

NIAT KORBAN NAZAR

“Wajib ke atas diriku berkorban seekor kambing kerana Allah SWT”.

GLOSARI

SUNAT MUAKKAD

Sunat yang amat dituntut untuk dilaksanakan.

HARI NAHAR

Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban iaitu pada 10 Zulhijjah.

HARI TASYRIK

11, 12 dan 13 Zulhijjah juga hari diharamkan berpuasa bagi umat Islam.

APA PANDANGAN ULAMA'?

JUMHUR ULAMA

Hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat *muakkad* bagi individu yang berkemampuan.

MAZHAB SYAFIE

Sunat *'ain* bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup.

MAZHAB MALIKI

Makruh meninggalkan ibadah ini bagi yang mampu.

(c) “Nazar” bermaksud janji kepada Allah SWT. Menurut al-Mawardi, nazar ialah iltizam (mewajibkan diri) untuk melakukan *qurbah* (sesuatu yang boleh menghampirkan diri kepada Allah) yang pada asalnya tidak wajib di sisi syarak.

(d) “Korban Nazar” bermaksud korban yang diwajibkan ke atas individu yang berazam untuk melakukan korban nazar. Contohnya, apabila seseorang menyebut: “Wajib ke atas diriku berkorban seekor kambing kerana Allah SWT”.

(e) “Korban Sunat (*tatawu*)” bermaksud korban yang dilakukan bukan niat kerana bernazar. Ia dikira sunat kerana tidak ada sebab-sebab dan syarat yang menjadikannya wajib.

(f) “Sunat *Muakkad*” bermaksud sunat yang amat dituntut untuk melakukan ibadah korban dan makruh meninggalkan bagi yang berkemampuan.

(g) “Hari *Nahar*” bermaksud Aidiladha atau Hari Raya Korban iaitu pada 10 Zulhijjah.

(h) “Hari *Tasyrik*” bermaksud 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

HIKMAH IBADAH KORBAN

Ibadah korban disyariatkan sebagai tanda bersyukur terhadap Allah SWT atas segala nikmatNya yang berbagai-bagai dan juga atas kekalnya manusia dari tahun ke tahun. Ia juga bertujuan menjadi kifarot bagi pelakunya sama ada disebabkan kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan, ataupun dengan sebab kecuaiannya dalam menunaikan kewajipan, di samping memberikan kelegaan kepada keluarga orang yang berkorban dan juga mereka yang lain.

HUKUM BERKORBAN

Dalil pensyariatkan ibadah korban adalah berasaskan kepada al-Quran merujuk kepada firman Allah yang bermaksud:

Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang

yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Hajj: 36)

Menurut pandangan jumhur ulama, hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat *muakkad* bagi individu yang berkemampuan. Pandangan ulama mazhab Syafie adalah sunat *'ain* bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup. Menurut pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama mazhab Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan korban nazar maka hukum melaksanakannya adalah wajib.





JENIS KORBAN

Korban terbahagi kepada dua jenis, iaitu korban nazar (wajib) dan korban sunat.

Ayat Al-Quran dan Hadis Yang Menjelaskan Ibadah Korban

1. Surah al – Kauthar (1-2)

“Sesungguhnya Kami telah memberikan kurnia yang sangat banyak kepadamu, maka solatlah untuk Tuhanmu dan sembelihlah korban.”

2. Surah al – Hajj (37)

“Daging-daging korban dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketakwaan dari kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayahNya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik”.

3. Hadis dari Anas bin Malik

“Biasanya Nabi berkorban dengan dua ekor kibas berwarna putih kehitam-hitaman yang bertanduk. Beliau menyembelih keduanya dengan tangan beliau sendiri dan menyebut asma’ Allah dan bertakbir (Bismillahi Allahu Akbar). Beliau meletakkan kakinya di samping binatang itu (ketika hendak menyembelih). (Sahih Muslim no. 3635)

4. Hadis dari Ibnu Umar

Dari Nabi SAW, beliau bersabda: “Seseorang tidak boleh makan daging korbannya lebih dari tiga hari”. (Sahih Muslim no. 3641)

5. Hadis dari Jundub bin Sufyan

“Barangsiapa menyembelih sebelum solat, hendaknya ia menyembelih seekor kambing lagi sebagai gantinya. Barangsiapa belum menyembelih, hendaknya ia menyembelih dengan nama Allah.” (Sahih Muslim no. 3621)

HAIWAN KORBAN

UNTA

Berumur 5 tahun dan ke atas (1 bahagian dari tujuh bahagian unta)

LEMBU/ KERBAU

Berumur 2 tahun dan ke atas (1 bahagian dari 7 bahagian lembu/ kerbau)

KAMBING BIRI-BIRI

Berumur 1 tahun dan ke atas.

KAMBING BIASA

Berumur 2 tahun dan ke atas

KESIMPULAN

Ibadah korban adalah mulia di sisi Allah SWT dan dilimpahi ganjaran yang amat besar berserta seribu satu hikmah.

Umat Islam amat digalakkan melaksanakan ibadah ini kerana ia adalah **SUNAT MUAKKAD**.

Setiap umat Islam juga harus peka dan prihatin terhadap **syarat-syarat serta sunnah-sunnah** yang diajar oleh Rasul demi memastikan ibadah ini berjalan dengan sempurna.

Perhatian juga perlu diberikan kepada tuntutan lain ibadah korban seperti berwakil membeli dan menyembelih agar **selari dengan perkara yang digariskan oleh syarak**.

BOLEHKAH MENGGUNAKAN GELARAN **HAJI** DAN **HAJJAH** ?

SUSUNAN OLEH : MOHD NAZIMI ZAIM BIN ISMAIL

SOALAN

Apakah boleh seseorang menuntut dan menggunakan gelaran **Haji** atau **Hajjah** sesudah pulang dari menunaikan ibadah tersebut. Adakah ia satu kesalahan di dalam Islam kerana tidak pernah digunakan oleh Nabi SAW dan para sahabat ? Jika dibenarkan apakah pula ulasanya Ustadz?

ADAT SETEMPAT

Saya teringat ada seorang kenalan sekitar 10 tahun dahulu memarahi seorang rakannya kerana tidak memanggilnya dengan gelaran tersebut. Bila saya bertanya mengapa sampai begitu sekali?

Dijawabnya "**Ye la, kita dah bertungkus lumus melaksanakan haji, berbelas ribu ringgit habis, jadi hormatlah sikit kita dengan pengiktirafan**" demikian tegasnya secara agak emosi.

BERLAPANG DADA

Adakah salah untuk menggunakan gelaran Haji di awal nama bagi mereka yang pulang dari menunaikan ibadah besar itu?

Persoalan ini tidak dinafikan lebih kepada sebuah isu kecil. Justeru diharap **jangan ada sesiapa yang kerananya melakukan dosa menghina, merendah dan menyakiti hati manusia lain.** Itu persoalan pokok yang perlu difahami sebelum kita melanjutkan perbincangan.

SUDUT ISLAM

Isu gelaran adalah sebuah isu kemasyarakatan dan sosial yang tidak tertakluk kepada dalil-dalil spesifik. Ia hanya tertakluk kepada dalil umum yang mengandungi nilai dan asas sama ada untuk mengarah atau melarang.

Dalam hal gelaran, dalil yang menjelaskan prinsip atau disiplin dalam gelar menggelar boleh diambil dari firman Allah SWT seperti yang tercatat di dalam ayat 11 Surah al-Hujurat.

DALIL SURAH

Firman Allah yang bermaksud:

Janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah segala jenis nama panggilan yang berciri kefasiqan selepas kamu beriman, dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Surah Al-Hujurat: 11)

Jelas dari ayat di atas, prinsipnya adalah Allah SWT melarang umat Islam menggelar saudara seagama dengan apa jua gelaran yang buruk dan menyakitkan hatinya, tidak kira sama ada ia benar atau tidak, selagimana ia dilakukan dengan niat menghina dan menjatuhkan, ia adalah dilarang.

GELARAN BAIK

Gelaran buruk dengan tujuan merendah dan menghina, tanpa khilaf lagi ia dilarang, maka jelas **GELARAN BAIK ADALAH DIBENARKAN** dalam Islam selagi tidak bercanggah dengan akidah seperti menggelar seseorang dengan gelaran yang mengangkatnya ke darjat Tuhan atau Rasul.

Oleh itu, jika kita memanggil seseorang dengan gelaran Tuan Haji, dan ia **MENDATANGKAN RASA SENANG TUAN TUBUH**, malah dapat mengingatkannya dengan ibadah agung yang pernah dia bertungkus lumus melakukannya, mengingatkannya kepada Allah SWT dan *Baitullah al-haram* serta boleh mengekalkan momentum keinsafannya. Maka sudah tentu ia tidak dilarang di dalam Islam malah digalakkan.

KESIMPULAN

Walaupun harus mendapat atau menggunakan gelaran 'Haji', amat perlu disedari pemergian menunaikan rukun Islam kelima itu bukanlah kerana gelaran dan tidak wajar menjadi marah jika tidak diberikan oleh manusia. Bukankah pandangan Allah yang menjadi sasaran ke sana.

Kemarahan seseorang akibat tidak digelar Haji sesudah pulangnya, boleh menjadi satu indikasi negatif kepada status Haji si polan sama ada ia tergolong di dalam Haji yang *mabrur* atau tidak. Pasti mereka yang mensasarkan haji *mabrur* tidak akan berasa apa-apa dengan gelaran tersebut, malah tidak ambil pusing dan endah diberikan kepadanya atau tidak. Maka itulah yang terbaik.

HIKMAH DI SEBALIK PENSYARIATAN KORBAN

SUSUNAN OLEH: HAMDAN BIN ZAKARIA



Sejarah pensyariatkan korban telah bermula dari manusia awal iaitu Nabi Adam AS yang mana kisah dua anaknya yang telah melaksanakan korban telah diabadikan di dalam al-Quran. Salah seorang dari mereka telah mempersembahkan korban yang terbaik manakala seorang lagi telah menyediakan korban dari hasil yang kurang baik. Allah SWT telah menerima korban yang terbaik ini dan menolak korban yang kurang baik dari saudaranya seorang lagi. Kisah ini dirujuk sebagaimana dalam surah al-Maidah ayat 27 yang bermaksud "*Ceritakanlah (Muhammad) yang sebenarnya kepada mereka tentang kisah kedua putra Adam, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka (korban) salah seorang dari mereka berdua (Habil) diterima dan dari yang lain (Qabil) tidak diterima. Dia (Qabil) berkata, "Sungguh, aku pasti membunuhmu!" Dia (Habil) berkata, "Sesungguhnya Allah hanya menerima (amal) dari orang yang bertakwa"*

Kisah ini membuktikan bahawa syariat korban telah diperintahkan sejak dari awal lagi. Namun kisah ini tidak menjadi landasan syariat korban yang kita lakukan pada hari ini. Ia lebih kepada kisah sejauh mana keikhlasan manusia dalam menjalankan perintahNya.

Sejarah korban dalam Islam ini berlanjutan dengan kisah pengorbanan seorang anak terhadap bapanya yang telah diperintahkan untuk mengorbankan dirinya. Kisah inilah yang telah menjadi landasan syariat korban yang kita lakukan pada hari ini.

Melalui mimpi, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Ibrahim AS untuk menyembelih anaknya dari Hajar iaitu Nabi Ismail AS. Peristiwa ini merupakan gambaran cinta yang tulus dan ketaatan yang tinggi seorang hamba kepada *Rabbnya* sehingga merelakan anaknya sendiri untuk dikorbankan demi menjalankan perintah *Rabbnya*. Ini disebabkan keyakinannya bahawa Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan Allah Maha Adil sehingga ia meyakini bahawa Allah tidak akan mencelakakan dan menzalimi hambaNya.

Semua itu terbukti ketika Nabi Ibrahim AS bersedia untuk menyembelih anaknya, Allah SWT telah mengirimkan seekor qibas sebagai menggantikan Nabi Ismail. Kisah ini diceritakan dalam Al-Quran seperti mana firman Allah yang bermaksud:

"Maka ketika anaknya telah mencapai dewasa dan boleh berusaha bersama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku, sesungguhnya aku bermimpi aku menyembelihmu, maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!". Ia menjawab: "Hai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar. Ketika keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipisnya (tepi muka), Kami berseru dan memanggilnya: "Hai Ibrahim, sesungguhnya kamu telah meyakini mimpi kamu itu. Sesungguhnya demikianlah, Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar merupakan ujian yang nyata. Dan Kami tebus putera itu dengan seekor (kambing) sembelihan yang besar. Dan Kami abadikan untuk Ibrahim itu (pujian baik) di kalangan orang-orang yang datang kemudian. Kesejahteraan dilimpahkan atas Ibrahim".

(Surah As-Saaffaat: 102-109)

Apa yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS untuk menjalankan perintah Allah SWT tersebut bukan bererti tiada halangan. Musuh terbesar manusia iaitu syaitan dan iblis selalu berusaha untuk menggodanya, namun Nabi Ibrahim tetap teguh dan bersabar, lalu beliau melempar syaitan dan iblis dengan batu-batu kerikil, yang akhirnya kisah ini diabadikan dalam rangkaian pelaksanaan ibadah haji yang terkenal dengan sebutan melontar jamrah.

Begitulah kecintaan dan ketaatan Nabi Ibrahim AS kepada *Rabbnya* yang dibuktikan dengan menjalankan perintah-perintah Allah SWT, walaupun perintah tersebut sangat berat dan harus mengorbankan seorang anak yang dikasihinya. Itulah ujian yang Allah SWT berikan kepada Nabi Ibrahim untuk memperlihatkan kepada kita tentang kecintaan dan ketaatannya kepada Allah melebihi kecintaannya kepada keluarga dan keduniaan, baik harta, anak mahupun isteri.

KETAATAN NABI IBRAHIM

Peristiwa ini merupakan gambaran cinta yang tulus dan ketaatan yang tinggi seorang hamba kepada *Rabbnya* hingga merelakan anaknya sendiri untuk dikorbankan demi menjalankan perintah *Rabbnya*, kerana ia sendiri yakin bahawa Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

MUSUH UTAMA MANUSIA

Musuh terbesar umat manusia iaitu **syaitan dan iblis** selalu berusaha menggodanya, namun beliau tetap teguh dan bersabar, lalu beliau melempar syaitan dan iblis dengan batu-batu kerikil.

Sebelumnya Allah SWT juga telah menguji Nabi Ibrahim yang sudah berusia namun belum juga dikurniakan walau seorang anak. Akhirnya isteri Nabi Ibrahim, iaitu Sarah menyarankan suaminya untuk bernikah lagi. Kemudian, berkahwinlah Nabi Ibrahim dengan Hajar, seorang wanita solehah yang dipilih oleh Sarah. Tidak lama selepas itu Hajar pun hamil, dan Sarah isteri pertama Nabi Ibrahim juga turut hamil. Saat-saat yang ditunggu Nabi Ibrahim pun akhirnya menjadi kenyataan dengan lahirnya Nabi Ismail AS.

Namun ujian Allah SWT terhadap hambaNya yang soleh Nabi Ibrahim tidak setakat di situ sahaja. Setelah kelahiran Nabi Ismail, Allah menguji Nabi Ibrahim dengan memerintahkannya untuk pergi meninggalkan isteri dan anaknya yang masih kecil di sebuah daerah yang sangat gersang, iaitu Lembah Baka (lembah air mata). Lembah tersebut adalah lembah yang terkenal dengan kegersangannya dan tidak ada sebatang pokok yang tumbuh serta tiada air. Sehingga dikatakan bahawa setiap orang yang ada di lembah tersebut pasti akan menangis. Maka disebutlah lembah tersebut dengan Lembah Baka yang bermaksud lembah air mata.

Dalam suatu riwayat dikatakan bahawa Hajar bertanya kepada Nabi Ibrahim AS sebanyak tiga kali, kenapa dia dan anaknya ditinggalkan di lembah tersebut. Hajar berkata, "Wahai suamiku, apakah yang engkau lakukan ini perintah Allah?". Nabi Ibrahim menjawab "Benar, ini adalah perintah Allah". Lalu Hajar menjawab dengan tegas tanpa keraguan sedikitpun. "Kalau memang ini perintah Allah, maka tinggalkanlah kami. Kerana Allah pasti akan menyelamatkan hambaNya dan tidak akan menyusahkannya.

HIKMAH DI SEBALIK SYARIAT

IKHLAS: Kisah 2 orang anak Nabi Adam, di mana Allah menerima korban Qabil disebabkan keikhlasan dalam melaksanakan ibadah tersebut.

TAAT: Ketaatan seorang hamba bernama Ibrahim kepada Allah mengatasi cinta dan kasih kepada anak lelakinya Ismail.

MANISNYA SEBUAH UJIAN: Nabi Ibrahim diuji dengan rezeki memiliki zuriat, atas doa yang tanpa jemu.. akhirnya Allah anugerahi zuriat dari rahim wanita solehah bernama Hajar, lahirlah seorang bayi bernama Ismail.

KASIH SEORANG IBU: Hajar seorang isteri yang taat ditinggalkan di Lembah Baka sanggup berlari-larian demi memenuhi kehendak anak yang dahagakan air.

Setelah itu, berjalanlah Nabi Ibrahim meninggalkan dua insan yang amat dikasihi dan dicintainya. Disebabkan kecintaan yang amat mendalam Nabi Ibrahim terhadap mereka, terhenti seketika langkahnya seraya berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT yang lebih mencintai hambaNya. Doa ini diabadikan dalam Al-Quran. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa: Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian. Allah berfirman: "Dan kepada orang yang kafirpun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani seksa neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali".

(Surah Al-Baqarah: 126).

Setelah ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim, Nabi Ismail yang masih kecil mula menangis di bawah terik matahari kerana kehausan dan kepanasan. Hajar sebagai seorang ibu berusaha mencarikan air untuk anaknya. Hajar kemudian berlari-lari kecil antara dua bukit Safa dan Marwah. Perjuangan Hajar ini diabadikan dalam proses ibadah saie. Saie merupakan simbol kasih sayang dan kecintaan seorang ibu kepada anaknya.

Itulah kisah keluarga Nabi Ibrahim yang menghadapi berbagai-bagai ujian dari Allah SWT dan mereka mampu bersabar dengan ujian tersebut. Begitulah kesolehan Nabi Ibrahim AS, yang mana sifat soleh tersebut tidak hanya dimilikinya sendiri, malahan turut juga dimiliki oleh anak dan isterinya, sehingga kesabaran dalam menghadapi ujian tidak hanya dihadapinya sendiri, tetapi dihadapi sekeluarga. Dan ujian yang terberat adalah ujian penyembelihan Nabi Ismail yang peristiwa ini diabadikan dengan ibadah korban yang dilakukan oleh segenap kaum muslimin di seluruh dunia.



HAKIKAT IBADAH KORBAN

OLEH: ZURAIHA BINTI MOHD ZAIN

Hari Raya Korban atau Aidiladha disambut meriah oleh umat Islam pada tarikh 10 Zulhijjah setiap tahun mengikut kalendar Hijrah. Bulan Zulhijjah juga dikenali dengan bulan haji kerana umat Islam menunaikan kewajipan rukun Islam yang kelima iaitu ibadah haji. Salah satu keistimewaan Aidiladha ialah ibadah korban. Ibadah korban ini hanya boleh dilaksanakan empat hari sahaja iaitu pada tarikh 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah setiap tahun. Pada tarikh 11, 12 dan 13 Zulhijjah dinamakan hari-hari *Tasyriq* dan umat Islam diharamkan berpuasa pada hari tersebut.

Aidiladha adalah perayaan yang istimewa kerana ia merupakan hari untuk umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menunaikan perintah Allah dan kesabaran anaknya Nabi Ismail dalam memenuhi perintah Allah s.w.t. Ianya mempunyai sejarah yang tertulis di dalam al-Quran sebagai bukti menerusi surah **As-Saffat ayat 101 hingga ayat 111** yang menceritakan kisah pengorbanan seorang bapa iaitu nabi Ibrahim yang diperintahkan oleh Allah SWT menyembelih anaknya nabi Ismail sebagai korban.

PENGERTIAN KORBAN

Korban dari segi bahasa Arab disebut *al-Udhiyyah* bermaksud binatang ternakan iaitu unta, lembu dan kambing. Ibadah korban bermaksud menyembelih binatang ternakan pada Hari Raya Korban (10 Zulhijjah) dan hari-hari *Tasyriq* dengan niat mendekatkan diri kepada Allah.

HUKUM KORBAN

Hukum asal adalah **sunat muakkad** iaitu sunat yang sangat dituntut tetapi tidak wajib mengikut mazhab as-Syafie dan pandangan jumhur ulamak.

Menurut pandangan Imam as-Syafie **makruh** meninggalkan ibadah korban bagi orang yang mampu dan memenuhi syarat-syaratnya.

Wajib melakukannya jika ibadah sunat ini dinazarkan. Dari 'Aisyah RA, sabda Rasulullah SAW "Sesiapa bernazar untuk mentaati Allah, maka hendaklah dia mentaatinya (dengan menunaikan apa yang dinazarkannya). Sesiapa bernazar untuk memaksiati Allah, maka janganlah dia memaksiati Allah (iaitu janganlah dilakukan nazar itu)". (Sahih al-Bukhari no. 1402).

Sunat kifayah iaitu sunat bagi sesebuah keluarga jika salah seorang daripada ahli keluarga menunaikannya. Menurut Imam ar-Rafie; "Seekor kambing tidak boleh dikorbankan melainkan untuk seorang sahaja. Namun jika seseorang itu berkorban dengannya bagi pihak anggota rumahnya, terhasillah syi'ar dan sunnah untuk semua mereka".

GOLONGAN DITUNTUT MELAKUKAN KORBAN

Muslim iaitu tidak sah ibadah korban jika orang kafir melakukannya.

Baligh iaitu tidak dituntut melakukan ibadah korban ke atas kanak-kanak yang belum baligh. Tetapi sah jika dilakukan korban oleh wali (penjaga) utuknya menggunakan wang wali tersebut.

Berakal bermaksud tidak dituntut ibadah korban ke atas orang gila, pengsan, mabuk dan koma.

Berkemampuan (memiliki lebihan belanja setelah ditolak nafkah dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya: makanan, pakaian dan tempat tinggal sepanjang hari raya dan hari-hari *tasyriq*).



SYARAT BINATANG KORBAN

AL-AN'AM

Jenis binatang yang sah untuk dibuat korban mengikut ketetapan syarak iaitu binatang ternakan seperti **unta, lembu/kerbau dan kambing/ biri-biri.**

UMUR BINATANG KORBAN

Binatang yang telah **mencukupi umur** seperti yang ditetapkan oleh syarak.

KONDISI BINATANG KORBAN

Binatang tersebut adalah **selamat** daripada **kecacatan-kecacatan** yang boleh mengurangkan dagingnya.

PENGAGIHAN DAGING KORBAN NAZAR

Orang yang melakukan ibadah korban wajib atau korban nazar dan keluarganya (orang yang di bawah tanggungannya) tidak harus memakan dari binatang yang dikorbankannya. Ianya wajib disedekahkan kesemuanya kepada fakir miskin.

KESIMPULAN

Hari Raya Aidiladha menjadi lebih bermakna sekiranya erti pengorbanan difahami setiap muslim. Semoga pelaksanaan ibadah korban ini terus mendidik jiwa kita agar dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, bukan sekadar menjadi amalan ibadah saban tahun namun ia turut menjadi amalan sunnah Rasulullah SAW.



Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim menyembelih anak kandungnya Nabi Ismail, mempamerkan sifat ketakwaan dan ketaatan seorang hamba Allah demi menegakkan agama Islam walaupun terpaksa mengorbankan anak kesayangan sendiri.

Peristiwa tersebut memberi gambaran yang cukup mendalam terutamanya dalam kehidupan hari ini di mana kebanyakan manusia semakin sibuk mengejar kemewahan dan kesenangan hidup.

Pengorbanan bukanlah suatu perkara yang mudah dilakukan, sebaliknya ia adalah sesuatu yang amat sukar. Hanya insan terpilih sahaja yang mampu merealisasikan. Bagi yang berkemampuan, jangan bertanggung lagi...jom!

Bersama-sama kita tunaikan ibadah korban yang cukup istimewa ganjarannya pasti menanti kita di akhirat sana. Wallahua'lam.

PEMBAHAGIAN DAGING





MARI KORBANKAN SIKAP

OLEH: AZIRAH BINTI SEMAN

Bersyukurlah kerana umat Islam di negara ini masih terus dapat merayakan Hari Raya Aidiladha ataupun Hari Raya Korban pada setiap tahun dalam suasana yang tenang, aman dan meriah. Keadaan ini membolehkan umat Islam meneruskan ibadah korban pada hari *Tasyrik* sebagai memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS dalam menunaikan perintah Allah SWT. Melalui ibadah korban yang disyariatkan, Allah SWT mahu menguji keimanan umat Islam sebagaimana Dia menguji keimanan Nabi Ibrahim dengan memerintahkannya menyembelih anak kesayangannya. Allah tidak memerlukan darah dan daging tetapi Allah sekadar ingin menguji keimanan Nabi Ibrahim dengan perintah yang berat itu.

Begitu juga dengan kita yang bergelar khalifah di muka bumi ini. Pasti ada pengorbanan yang perlu dilaksanakan dalam menjadi khalifah yang terbaik. Antara perkara utama yang perlu dikorbankan adalah sikap. Sebagai manusia, ada bermacam sikap yang perlu ditangani. Ada sikap yang baik, ada sikap yang buruk. Menurut Wikipedia ensiklopedia bebas, sikap bermaksud tingkah laku, perangai dan akhlak seseorang. Biasanya sikap seseorang itu adalah berdasarkan hatinya. Namun kadangkala, sikap kita juga menggambarkan bagaimana emosi kita. Dalam Islam, perbincangan mengenai sikap tidak dapat dipisahkan dalam memperkatakan mengenai akhlak. Risalah Islam bermatlamatkan akhlak mulia dan terpuji (*mahmudah*). Namun demikian, manusia tidak dapat lari dari memiliki akhlak tercela (*mazmumah*). Sikap atau akhlak yang mulia merupakan tanda keimanan yang sebenar. Ia merupakan inti pati dalam segala ibadat yang dikerjakan.

Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji iaitu berlandaskan Al-Quran. Dirwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

(Riwayat al-Bukhari no. 273)

Ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan kebijaksana sehingga menarik minat golongan musyrikin Quraisy mengenal Allah. Sikap dan akhlak yang baik ditonjolkan bagi menjayakan dakwah. Semua ini dijayakan melalui sikap *mahmudah* yang ada dalam diri baginda. Oleh itu, sempena Aidiladha yang mulia ini marilah kita bersama-sama berkorban membuang sikap *mazmumah* dari dalam diri kita. Banyak sikap *mazmumah* yang sering merajai hati manusia. Menurut Imam al-Ghazali, antara sikap atau akhlak *mazmumah* adalah seperti berikut:

1. BANYAK BERKATA SIA-SIA

Memang tidak ada salahnya kita berbicara tetapi yang berlebihan itu akan termasuk di dalam yang tercela. Telah menjadi lumrah manusia suka berkata yang sia-sia yang boleh membawa kepada mengumpat, menghina, berdusta dan bertengkar. Walaupun kesalahannya kecil tetapi ia boleh membawa dan menimbulkan kepada kesan yang besar dari kata-kata tersebut. Oleh itu, marilah kita korbankan sikap yang suka berkata sia-sia selaras dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia berkata yang baik atau ia diam”.

(Sahih al-Bukhari no. 6018).

2. HASAD, DENGKI & IRI HATI

Sifat-sifat ini lahir dari perasaan tidak senang hati dalam diri seseorang apabila melihat orang lain mendapat kebaikan, kejayaan dan sebagainya. Lebih parah lagi mengharap-nikmat-nikmat tersebut terhapus daripadanya. Sifat *mazmumah* ini bermula sejak zaman Nabi Adam AS lagi. Sewaktu Allah SWT memerintahkan para malaikat dan iblis sujud kepada Nabi Adam, para malaikat mematuhiNya namun iblis mengingkariNya. Iblis merasakan dirinya lebih baik dan enggan patuh pada perintah Allah SWT. Akibat kesombongan inilah Allah SWT mengisytiharkan bahawa iblis sebagai penghuni neraka dan disebalik keingkaran iblis itu adalah berpunca dari sifat hasad dengki. Sesungguhnya sifat-sifat *mazmumah* ini mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Ia boleh membinasakan diri seseorang dan membawa kecelakaan di dunia dan akhirat. Hadis daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

“Takutlah kamu semua akan sifat dengki kerana sesungguhnya dengki itu memakan segala kebaikan sebagaimana api memakan kayu bakar”.

(Riwayat Abu Daud - Hadis Hasan)

“Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia berkata yang baik atau ia DIAM”

3. TAKBUR, RIYA' DAN UJUB

Takbur bermaksud sombong. Menyombongkan diri dan merasakan dirinya lebih baik dan mulia dari orang lain. Manakala riya' pula merujuk kepada sifat untuk menarik pandangan orang dengan menampakkan pelbagai amalan baik dengan tujuan mendapat pangkat dan pujian serta sifat ujub pula berkait rapat dengan kedua-duanya dengan berasa hairan dengan keistimewaan dan kelebihan diri sendiri. Sifat-sifat ini merupakan sifat yang perlu dikorbankan dari terus beraja dan menguasai diri. Selalulah mengamalkan sifat *tawaduk* atau rendah diri supaya sifat takbur hilang dari hati. Berhati-hatilah dengan sifat riya' dan membiasakanlah diri merahsiakan segala amalan baik kita supaya tidak diketahui orang dan sifat ujub pula boleh dihindari dengan sentiasa memikirkan bahawa tidak ada benda yang kekal di dunia ini.

4. MARAH

Sifat marah adalah salah satu sifat tercela (*mazmumah*) yang dibenci Allah SWT. Ia berpunca daripada kurang sikap kesabaran dalam menghadapi sebarang keadaan. Sifat ini selalunya didorong oleh syaitan yang sentiasa ingin merosakkan iman dalam diri anak Adam. Orang yang pemaarah sering kali bersifat dengan sifat *mazmumah* yang lain seperti sombong, bongkak dan tidak boleh ditegur. Marah boleh, tetapi jangan menjadi insan yang pemaarah kerana yang terkandung dalam sifat marah itu ialah perasaan benci dan dendam. Bagi mengubati penyakit marah ini, Islam mengajar umatnya menahan diri ketika marah dan sabar apabila melawan hawa nafsu yang meluap-luap itu. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Bukanlah orang yang kuat itu selalu mengalahkan lawannya dalam pergaduhan, tetapi orang yang kuat itu (yang sebenarnya) adalah mereka yang mampu mengendalikan/ menahan dirinya ketika marah".
(Sahih al-Bukhari no. 5763).

Info

ISTILAH

TAKBUR:

Sikap sombong, menyombongkan diri dan merasakan dirinya lebih baik dan mulia dari orang lain.

RIYA':

Sifat yang bertujuan menarik pandangan orang dengan menampakkan pelbagai amalan baik bertujuan mendapat pangkat serta pujian.

UJUB:

Sifat ini berkait rapat dengan kedua-dua sifat *mazmumah* (takbur dan riya'). Ujub adalah sifat di mana individu merasakan amalannya banyak dan meremehkan amalannya orang lain.

CINTA DUNIA:

Sikap cintakan keseronokan dunia melebihi akhirat. Antara ciri cinta dunia adalah malas atau 'ekspres' dalam beribadah, takut bersedekah.

Jelaslah di sini sikap atau sifat *mazmumah* adalah sikap yang dilarang oleh Allah SWT dan tidak sesuai dengan syariat yang dibawa Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, marilah bersama-sama kita berkorban untuk meninggalkan sikap-sikap tercela tersebut. Perilaku yang tercela adalah suatu perbuatan yang haram hukumnya kerana merosakkan hubungannya dengan Pencipta dan sesama manusia.

5. KASIHKAN HARTA & CINTAKAN DUNIA

Tidak salah memiliki harta dan kemewahan hidup serta tidak salah mengasihi dunia. Namun demikian, hati yang sentiasa berpaut kepada kehidupan dan kesenangan dunia akan menyebabkan seseorang itu takutkan mati.

Kemewahan yang dimiliki akan membawa manusia kepada sifat bakhil, tamak haloba, membazir dan suka menunjuk-nunjuk. Agama kita menuntut orang kaya untuk membantu golongan miskin dengan bersedekah, berzakat dan membelanjakan harta di jalan Allah.

Janganlah lalai dengan harta kekayaan yang ada dan segala yang ada di dunia ini kerana ia adalah pinjaman dariNya. Allah SWT mengingatkan bahawa segala yang ada di muka bumi adalah sebagai perhiasan dan cubaan kepada manusia untuk menilai amalan seseorang. Seandainya insan itu mengenali pencipta dengan sebaik-baiknya, pasti kecintaan pada dunia yang melampau akan terhakis dari hatinya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Ketahuilah sesungguhnya kehidupan dunia adalah permainan, senda gurau, perhiasan, bermegah-megah antara kamu dan berlumba-lumba dalam mengumpulkan harta kekayaan dan anak pinak; seperti hujan yang tanamannya mengagumkan para petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur; dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keredhaannya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu"
(Surah al-Hadid: 20)

Sesungguhnya dunia dan seisinya adalah amanah Allah. Semua akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. Semakin tinggi jawatan, kedudukan dan nikmat yang diterima seseorang itu di dunia, maka semakin berat tanggungjawabnya di akhirat kelak.

Oleh itu, sangatlah rugi bagi orang-orang yang sibuk mengejar dunia demi kepuasan hati semata-mata.

ADAB DAN AKHLAK DALAM MELAKUKAN IBADAH KORBAN

OLEH : BORHANNUDIN BIN YA

Tidak berapa lama lagi, umat Islam di seluruh dunia sama-sama akan menyambut Aidiladha ataupun Hari Raya Korban. Ketika merayakan Aidiladha, umat Islam yang berkemampuan sinonimnya akan melakukan ibadah korban yang mana ibadah ini disyariatkan oleh Islam. Pelaksanaan ibadah korban boleh dilakukan dalam tempoh 4 hari iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Perlu diketahui bahawa sama ada sebanyak mana seseorang itu melakukan ibadah korban atau hanya mengambil sebahagian sahaja dari binatang korban tersebut, apa yang penting di sisi Allah bukanlah daging atau darah yang mengalir setelah penyembelihan tetapi adalah takwa dan keikhlasan kita dalam melaksanakan ibadah tersebut.



Bagi individu yang ingin melakukan ibadah korban ini, perlu diingatkan bahawa Islam bukan sahaja menitikberatkan soal hukum sembelihan tetapi juga berkenaan dengan adab dan akhlak kita ketika menyembelih binatang korban. Ini penting kerana ramai orang mengatakan bahawa mereka telah melaksanakan tuntutan agama tetapi hilang nilai akhlak dalam pengamalan. Lebih-lebih lagi di zaman moden ini, proses penyembelihan dapat dirakam dan ditonton oleh pengguna di media sosial dari pelbagai pihak termasuk bukan Islam. Hal ini akan memberikan persepsi yang berbeza jika perlakuan atau adab ketika melakukan ibadah ini dilakukan dengan cara yang tidak sepatutnya seterusnya memberi kesan kepada pandangan orang bukan Islam kepada agama Islam tentunya.

AKHLAK KETIKA MELAKSANAKAN KORBAN



BELAS IHSAN TERHADAP BINATANG KORBAN

Jangan sekali-kali kita menyeksa haiwan sembelihan dengan kekasaran. Daripada Abu Ya'la Syaddad ibn Aus RA daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menulis (mewajibkan) ihsan atas segala sesuatu. Apabila kamu mahu membunuh (dengan alasan yang sah), maka perelokkanlah pembunuhan itu".
(Sahih Muslim no. 3615)



TAJAMKAN MATA PISAU

Dalam riwayat al-Hakim dalam al-Mustadrak, daripada Ibn 'Abbas: Maksudnya:

Bahawa seorang lelaki membaringkan biri-biri yang dia hendak menyembelihnya, di samping ketika itu dia menajamkan mata pisaunya. Maka Nabi SAW bersabda: "Apakah engkau mahu membunuhnya beberapa kali? Mengapa tidak engkau tajamkan mata pisaumu sebelum engkau membaringkannya?"
(Hadis riwayat al-Hakim, dia menyatakan sahih dan disetujui oleh al-Zahabi)



SANTUN DAN ADAB SEMASA MENYEMBELIH

Islam adalah agama yang sejahtera dan sangat menitikberatkan adab kesantunan bukan hanya sesama manusia, malahan haiwan juga. Oleh yang demikian, Islam amat menganjurkan umatnya melaksanakan proses penyembelihan ibadah korban dengan adab dan kelembutan. Jika kita mengendalikan haiwan sembelihan dengan cara yang kasar dan menakutkan pasti ia akan memberi imej yang buruk terhadap Islam dan umatnya.



•CHECKLIST•

MEMBACA BASMALLAH

Menyebut *Basmallah* sahaja ketika menyembelih atau ketika anak panah dilepaskan ke arah binatang buruan (hal yang berkaitan binatang buruan bukan ibadah korban).

PUTUSKAN DUA URAT

Memutuskan dua urat di kiri dan kanan leher yang berhampiran dengan halkum agar nyawa terputus dengan cepat.

TAJAMKAN MATA PISAU

Penyembelih menajamkan pisaunya, dengan tujuan memudahkan lagi proses penyembelihan dijalankan.

BARINGKAN PADA RUSUK KIRI

Binatang sembelihan dibaringkan pada rusuk kirinya dan kaki kanannya dibiarkan bergerak-gerak selepas penyembelihan supaya ia selesa dengan pergerakan itu, kecuali unta yang lebih baik disembelih dalam keadaan berdiri di atas tiga kakinya dan kakinya yang kiri bahagian hadapan diikat.

MENGHADAP KIBLAT

Penyembelih dan binatang sembelihan menghadap kiblat ketika proses penyembelihan. Ini adalah kerana kiblat merupakan arah yang paling mulia.

TANAMKAN AZAM, JOM.. LAKSANAKAN IBADAH KORBAN


OLEH : SOLHAL HUDA BINTI SAHIDAN



Apabila tahun pertama bekerja dan mempunyai gaji sendiri, ditanya oleh abang sulung untuk sama-sama melakukan ibadah korban. Namun, pada masa itu saya hanya mampu menggelengkan kepala kerana langsung tidak terfikir untuk memperuntukkan wang bagi melakukan sembelihan haiwan korban. Terdetik di hati, "aku tidak punya perancangan *ukhrawi* rupanya, yang ada semuanya hanyalah perancangan duniawi semata". Apabila direnung dan difikirkan, kita mampu berhabisan wang untuk kereta, bercuti, *online shopping* dan pelbagai lagi kehendak yang tidak pernah habis. Namun, semua kehendak itu hanyalah dapat mencapai keseronokan sementara sedangkan ganjaran dalam melakukan ibadah korban lebih kekal dan sebagai bekalan buat kita di akhirat nanti.



Rancanglah simpanan dari awal! Contohnya, harga lembu mungkin sekitar RM4,000 hingga RM4,500 seekor bergantung kepada saiz. Kalau pada harga RM4,000, satu bahagian lembu berharga RM600. Jadi, untuk mendapat satu bahagian lembu sebagai korban maka kita mestilah membuat simpanan sekurang-kurangnya RM50 sahaja sebulan (50 x 12 bulan).



Jumlah itu, bukanlah sesuatu yang membebankan berbanding mengeluarkan wang sekaligus berjumlah RM600 untuk satu bahagian korban tanpa perancangan terlebih dahulu. Malahan, ianya juga mungkin akan lebih murah sedikit sekiranya ibadah korban dilaksanakan di negara-negara yang mempunyai umat Islam seperti Kemboja dan Vietnam. Apabila azam sudah dibulatkan, perasaan kita akan teruja dan bersemangat setiap kali kita membuat tabungan dan simpanan untuk tujuan itu. Kerana, di sana pasti akan ada ganjaran pahala dan kebaikan buat kita serta memberi manfaat kepada masyarakat Islam umumnya, tidak kiralah di mana sekalipun ibadah korban tersebut dilaksanakan. Saranan Islam ini bukanlah suatu yang sia-sia.

Selari dengan hadis Nabi SAW:

"Tidak ada suatu amalan yang paling dicintai oleh Allah dari bani Adam ketika Aidiladha selain menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan itu akan datang pada hari kiamat (sebagai saksi) dengan tanduk, bulu dan kukunya. Dan sesungguhnya darah haiwan korban terletak di suatu tempat di sisi Allah sebelum mengalir di tanah, kerana itu bahagiakan dirimu dengannya".

(Riwayat Tirmizi, Ibnu Majah dan Hakim)

"Kita mampu berhabisan wang untuk kereta, bercuti, *online shopping* dan pelbagai lagi kehendak yang tidak pernah habis. Namun, semua kehendak itu hanyalah dapat mencapai keseronokan sementara sedangkan ganjaran dalam melakukan ibadah korban lebih kekal dan sebagai bekalan buat kita di akhirat nanti".

NILAI SEBUAH PENGORBANAN


OLEH : NORZIRA BINTI AHMAD

“Berkorban apa saja... harta atau pun nyawa...itulah kasih mesra...sejati dan mulia...”

Begitulah antara lirik lagu Tan Sri P Ramlee yang menggambarkan betapa besar dan tingginya nilai pengorbanan seseorang apabila mencintai dan menyayangi insan lain. Pengorbanan yang bukan sahaja melibatkan harta malahan sanggup berkorban nyawa demi merealisasikan sebuah cinta sejati. Mungkin pengorbanan tersebut melibatkan cinta kepada sahabat, saudara, suami isteri, ibu bapa dan mungkin skop yang paling tepat dengan lirik tersebut adalah cinta yang mendalam kepada sang kekasih hati. Namun, sejauhmanakah nilai dan kehebatan sebuah pengorbanan jika ditinjau menurut Islam? Adakah berkorban cinta terhadap kekasih hati sudah layak diangkat sebagai pengorbanan yang paling tinggi darjatnya di sisi Allah?



Bila berbicara tentang “korban” atau “berkorban” mahupun “pengorbanan”, sebagai seorang Muslim kita tidak dapat lari daripada kisah besar peristiwa bersejarah pengorbanan Nabi Ibrahim AS bersama anakandanya yang amat dikasihi Nabi Ismail AS. Kisah yang menuntut kita menilai maksud pengorbanan bukan sahaja setakat maksud yang tersurat malahan melangkaui sempadan maksud yang tersirat. Skopnya terlalu luas lantas dapat memberi seribu pengajaran dan teladan kepada kita semua sepanjang menghabiskan sisa-sisa kehidupan di dunia yang fana.




Perkataan “korban” menurut Kamus Dewan ialah pemberian iaitu kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu sebagai tanda kebaktian, kasih dan lain-lain. Dalam Bahasa Arab ia bermaksud; segala bentuk daya usaha yang membawa diri seseorang mendekati dirinya kepada Allah SWT. Oleh itu kupasan utama konsep pengorbanan sudah semestinya tertumpu kepada pengorbanan kita sebagai hamba kepada sang Penciptanya iaitu Allah SWT. Pengorbanan kepada Allah SWT amat luas untuk dikupas, namun yang paling utama adalah pengorbanan kita melaksanakan semua ibadah kepada Allah samada Fardhu Ain atau Fardhu Kifayah dengan *nawaitu* untuk mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Pengorbanan untuk melaksanakan semua ibadah kepada Allah seperti solat, puasa, zakat, haji malahan usaha keras untuk memperkasa akidah dan akhlak, bekerja mencari nafkah, membangunkan masyarakat dan ummah serta memakmurkan dunia dengan menegakkan “amar makruf dan nahi mungkar” menuntut bukan sahaja pengorbanan diri, masa dan harta malahan memerlukan jiwa dan kesabaran yang amat tinggi. Pengorbanan untuk taat melaksanakan ibadah kepada Allah ini adalah selaras dengan firman Allah yang menyebut tentang tujuan utama penciptaan manusia:

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepadaku” (Surah Ad-Dzariyat: 56)

Justeru, berkorban mencari keredhaan Allah ini adalah sebesar-besar pengorbanan; demi untuk menegakkan Islam secara menyeluruh sama ada di dalam diri individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Firman Allah SWT:

“Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah) samada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) atau dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab) dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui” (Surah At-Taubah: 41)



Analoginya, melakukan pengorbanan kepada Allah bukanlah perkara yang mudah umpama memetik jari sendiri agar berbunyi tetapi merupakan jihad yang utama dan agung. Lihatlah pengorbanan ketika **Nabi Ibrahim** diwahyukan untuk menyembelih anak kesayangannya Ismail AS; kerana taat kedua-dua mereka sanggup meminggirkan rasa sedih dan pilu walaupun mereka boleh memilih untuk engkar kepada arahan Allah SWT. Begitu juga kita disajikan dengan kisah awal pengorbanan anak-anak Nabi Adam AS; **Si Qabil dan Habil** ketika diuji tentang keikhlasan mereka semasa melakukan persembahan korban kepada Allah, kisah **Nabi Musa** yang ditentang hebat oleh Si Firaun durjana.



Malah yang paling hebat **kisah Rasulullah SAW** berkorban cinta, harta dan keturunan kerana menjunjung perintah Allah SWT agar berhijrah ke Yathrib meninggalkan tanah tumpah darah demi menegakkan Islam bukan setakat untuk diri dan keluarga malahan menjadi titik mula membangun sebuah ummah dan daulah Islam yang pertama. Walaupun pengorbanan yang dilakukan amat payah dan getir namun insan-insan mulia ini telah dijanjikan ganjaran yang amat besar kepada mereka.



Oleh itu, menyusuri catatan ringkas ini, kita dapat memahami pengorbanan bagi mendapat keredhaan Allah adalah semulia-mulia matlamat dalam meniti jalan ke alam akhirat. Ini kerana ianya merupakan momentum untuk kita melakukan pengorbanan terhadap perkara-perkara duniawi seperti berkorban masa dan tenaga untuk kemajuan diri, keluarga, masyarakat, negara hatta dunia yang kita diami dan ianya jauh melangkaui tanggungjawab kita melestarikan keamanan dan kemakmuran alam semesta dengan menegakkan Islam dalam semua aspek kehidupan manusia!



EDISI 2: AIDILADHA

Penauang

Dr. Hj Mohd Zahari Bin Ismail

Penasihat

Puan Azlida Binti Ahmad

Penasihat II

Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Ketua Editor

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Editor Syariah

Rosmawati Binti Razak

Sub Editor / Prof

Ainul Farhaan Binti Harun

Konsep dan Layout Buletin

Ainul Farhaan Binti Harun

Artikel Khas


Dr. Hj Mohd Zahari Bin Ismail
Puan Azlida Binti Ahmad

Penulis Artikel

Pisol Bin Nasir
Mohd Nazimi Zaim Bin Ismail
Hamdan Bin Zakaria
Zuraiha Binti Mohd Zain
Azirah Binti Seman
Borhannudin Bin Ya
Solhal Huda Binti Sahidan
Norzira Binti Ahmad



UJI MINDA ANDA!



M E N E G A K

1. Kata lain bagi sunat yang dituntut ialah sunat _____

3. Korban terbahagi kepada 2 jenis iaitu korban sunat dan korban _____

6. Lembah _____ ialah lembah di mana Nabi Ibrahim meninggalkan isteri dan anaknya, Nabi Ismail.

7. Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah juga dikenali sebagai Hari _____

10. Sifat sombong dan merasa diri lebih baik dan mulia dari orang lain.

M E L I N T A N G

2. 11, 12 dan 13 Zulhijjah juga dikenali sebagai hari _____ iaitu hari diharamkan berpuasa.

4. Binatang yang dikirim Allah sebagai ganti Nabi Ismail AS untuk dikorbankan.

5. Peristiwa Nabi Ibrahim melempar iblis dan syaitan dengan batu kerikil telah diabadikan dalam ibadah haji sebagai melontar _____

8. Lawan sifat *mahmudah*.

9. Sunat sembelihan untuk memutuskan dua urat di leher haiwan iaitu urat merah dan urat _____

1. MUKKAD 2. TASYRIK 3. NAZAR 4. QIBAS
5. JAMRAH 6. BAKA 7. NAHAR 8. MAZMUMAH
9. HALKUM 10. TAKBUR